

24/03/1997

Siasatan tentukan nasib Nuri

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan perlu mengenal pasti punca nahas helikopter Nuri sebelum membuat keputusan sama ada meneruskan atau menghentikan penggunaan pesawat itu.

Menurut Perdana Menteri, setakat ini Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) akan terus menggunakan helikopter berkenaan.

Perdana Menteri berkata, beliau turut menaiki Nuri pada hari nahas itu untuk ke Taman Negara di Pahang dan mendapati pesawat itu dalam keadaan baik.

"Kita akan mengenal pasti adakah kemalangan itu berpunca masalah mekanikal, struktur atau kesilapan juruterbang.

"Ini kerana dua Nuri terhempas dalam satu waktu, mungkin kerana ada pelanggaran antara mereka dalam kabus yang begitu tebal.

"Kalau ini yang berlaku, ia bukan masalah mekanikal tetapi juruterbang, oleh itu, kita kena kaji, kenapa dua pesawat itu sama-sama jatuh," katanya dalam sidang akhbar di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah sekembalinya dari Riyadh, petang ini.

Selasa lalu, 11 pegawai dan anggota TUDM terbunuh apabila dua helikopter Nuri jenis Sikorsky S-61 terhempas berhampiran Gunung Lumaku, Sipitang, Sabah. Ini adalah pesawat Nuri ke-14 yang terbabit dalam kemalangan sejak dikomisenkan pada 1968.

Setakat ini, 71 nyawa terkorban dalam semua nahas berkenaan.

Jumaat lalu, Menteri Pertahanan, Datuk Syed Hamid Albar, berkata kementerianya belum bercadang menghentikan penggunaan helikopter Nuri sebaliknya akan meningkatkan jangka hayatnya kepada 15 tahun lagi.

Menurutnya, langkah meningkatkan jangka hayat baki 30 helikopter Nuri yang berusia antara 22 dan 30 tahun akan memberi keupayaan baru kepada pesawat itu.

Perdana Menteri turut menyatakan rasa sedihnya atas kehilangan pegawai dan anggota TUDM dan menyifatkannya sebagai kehilangan besar kepada negara.

"Saya berasa sedih kerana yang terbabit muda-muda belaka dan mereka adalah harapan kita," katanya.

(END)